



**KEMENTERIAN BELIA, SUKAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN  
SARAWAK**

**GARIS PANDUAN**

**GERAN SOKONGAN PENGANJURAN PROGRAM BERKAITAN PEMBANGUNAN  
BELIA, SUKAN DAN KEUSAHAWANAN BELIA SARAWAK**

TERHAD KEPADA:  
AGIHAN DALAMAN AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL GERAN MYSED  
AHLI JAWATANKUASA PENYALURAN GERAN MYSED  
AHLI JAWATANKUASA INDUK MYSED

## **ISI KANDUNGAN**

## **MUKASURAT**

1.	Latar Belakang	1
2.	Definisi/ Singkatan	2
3.	Format Peruntukan	2
4.	Had Siling Peruntukan	2
5.	Syarat Penyaluran Geran	3
6.	Skop Aktiviti	4
7.	Program Yang Layak Dipertimbangkan	4 - 5
8.	Elemen Yang Boleh Dipertimbangkan Untuk Mendapatkan Geran Sokongan	5 - 6
9.	Syarat-Syarat Permohonan	6 - 7
10.	Syarat-Syarat Geran Sokongan	8 - 9
11.	Jawatankuasa Teknikal Geran MYSED	10
12.	Jawatankuasa Penyaluran Geran MYSED	11
13.	Jawatankuasa Induk Geran MYSED	12 - 13
14.	Prosedur Kawalan Pemantauan	13
15.	Tatacara Permohonan	13 - 14
16.	Tanggungjawab Penganjur	14
17.	Penutup	14
18.	Senarai Lampiran dan Borang	

## 1. LATAR BELAKANG

### 1.1 Tujuan

- a. Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan serta panduan mengenai syarat-syarat kelayakan dan prosedur penyaluran geran sokongan bagi tujuan penganjuran program berkaitan pembangunan belia, sukan dan keusahawanan belia Sarawak kepada:-
  - i. Badan Bukan Kerajaan (NGO),
  - ii. Organisasi Bukan Berorientasikan Keuntungan (NPO),
  - iii. Persatuan-Persatuan Belia, Sukan dan Usahawan, dan
  - iv. Pertubuhan dan mana-mana pihak yang mendapat pertimbangan dan sokongan oleh Jawatankuasa Geran MYSED
- b. Permohonan geran MYSED yang dipertimbangkan adalah bagi program yang akan dilaksanakan dalam tempoh kewangan Januari sehingga Disember dalam tahun semasa.

### 1.2 Objektif

- a. Untuk menggalak, membangun dan menjamin kelangsungan program berkaitan pembangunan belia, sukan dan usahawan belia.
- b. Menerapkan tatakelola yang baik dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih telus dan berintegriti.

## 2. DEFINISI/ SINGKATAN

Program	-	Merangkumi acara, pesta, pertandingan, bengkel dan pertunjukan yang berkaitan dengan pembangunan belia, sukan dan usahawan belia
MYSED	-	Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan
JKIG	-	Jawatankuasa Induk Geran
JKPG	-	Jawatankuasa Penyaluran Geran
JKTG	-	Jawatankuasa Teknikal Geran
NGO	-	Badan Bukan Kerajaan
NPO	-	Organisasi Bukan Berorientasikan Keuntungan

## 3. FORMAT PERUNTUKAN

Format peruntukan adalah dalam bentuk bantuan secara GERAN SOKONGAN (SUPPORT GRANT).

## 4. HAD SILING PERUNTUKAN

- 4.1 Had siling maksimum bagi peruntukan penganjuran program pembangunan belia, sukan dan usahawan belia adalah ditetapkan sebanyak RM1,000,000.00 atau jumlah peruntukan yang diluluskan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk Geran MYSED dalam tahun semasa.
- 4.2 NGO dan NPO boleh menganjur LEBIH DARIPADA SATU (1) program dengan syarat jumlah keseluruhan ataupun kumulatif tidak melebihi RM1,000,000.00 pada tahun semasa.

## 5. SYARAT PENYALURAN GERAN

Penyaluran geran sokongan adalah seperti berikut:-

- a. Penyaluran peringkat pertama adalah sebanyak 80% dari jumlah keseluruhan geran sokongan yang telah diluluskan dengan syarat pihak pemohon perlu mengemukakan laporan awal kemajuan kerja dan bukti-bukti laporan perbelanjaan awal.
- b. Penyaluran peringkat kedua (akhir) adalah sebanyak 20% daripada jumlah keseluruhan selepas program dilaksanakan serta pihak pemohon telah mengemukakan laporan lengkap berserta laporan kewangan yang lengkap termasuk bukti laporan perbelanjaan dan Kementerian berpuas hati dengan kualiti penganjuran program.

### Jadual Penyaluran Geran Sokongan

Butiran Dokumen	Pembayaran berperingkat
Peringkat Pertama (sebelum program) i. Surat Akuan Setuju Terima	80%
Peringkat Kedua (selepas program) i. Laporan akhir berserta laporan kewangan yang lengkap termasuk bukti laporan perbelanjaan (Dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas tarikh program pada tahun semasa) dan diperakui oleh Ketua Bahagian yang bertanggungjawab bagi program berkaitan menggunakan Senarai Semak Laporan Akhir/ Senarai Semak Bayaran Akhir – MYSED/GS/SSA	20%
Jumlah	100%

## **6. SKOP AKTIVITI**

- 6.1 Setiap program yang dicadangkan hendaklah bersesuaian dan selaras dengan dasar, objektif, bidang keutamaan serta berpandukan agenda Kerajaan Sarawak.
- 6.2 Setiap program yang dicadangkan haruslah tidak melibatkan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama, budaya dan tradisi masyarakat majmuk di Sarawak serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh mencetuskan pergolakan atau mengganggu-gugat kestabilan politik, sosial, ketenteraman awam dan keselamatan Sarawak serta negara.
- 6.3 Setiap cadangan penganjuran program mesti memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
  - a. Program yang dianjurkan melibatkan penyertaan di peringkat Sarawak, Malaysia dan luar negara yang dianjurkan di Sarawak;
  - b. Memberi keutamaan dan melibatkan penyertaan daripada pengusaha industri tempatan seperti penginapan, pemilik tapak acara, pengurus acara, tenaga kerja, komuniti setempat dan lain-lain; dan
  - c. Memberi faedah dan meransang kemakmuran ekonomi, sosial dan persekitaran mampan di Sarawak secara keseluruhan.

## **7. PROGRAM YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN**

- 7.1 Kategori program yang layak untuk dipertimbangkan adalah seperti berikut:
  - a. Pembangunan belia;
  - b. Pembangunan sukan; dan
  - c. Pembangunan usahawan belia.

7.2 Apa-apa juga jenis penganjuran program yang dirasakan oleh pihak kementerian layak serta mempunyai ciri-ciri unik tersendiri dan pihak pemohon dapat memberi keyakinan kepada Kementerian bahawa program yang dicadangkan tersebut mampu untuk memberi pulangan pelaburan secara langsung atau tidak langsung kepada pembangunan belia, sukan dan usahawan belia di Sarawak.

## **8. ELEMEN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK MENDAPATKAN GERAN SOKONGAN**

8.1 Berikut adalah elemen-elemen yang boleh dipertimbangkan:

- a. Jamuan (Makan dan Minum);
- b. Sewaan Sistem Siar Raya;
- c. Pengacaraan Majlis;
- d. Bayaran Honorarium;
- e. Persembahan Kebudayaan (busana, props, set, dan yang berkaitan);
- f. Cenderamata;
- g. Siaran Langsung (*Live Broadcasting*);
- h. Kawalan Keselamatan dan Perkhidmatan Sukarelawan;
- i. Insuran Liabiliti Awam (*Public Liability Insurance*);
- j. Hadiah (Trofi, Wang Tunai dan lain-lain);
- k. Bahan Promosi/ Publisiti/ Pengiklanan Media Cetak, Elektronik dan Digital;
- l. Persiapan Penganjuran Acara Sukan (*Bibs, Water Stations, Flags, Traffic Cones, Signages*);
- m. Pengangkutan, Penginapan dan Sewaan Tapak (Logistik);
- n. Penyewaan Peralatan Kelengkapan Sukan;

- o. Pembangunan Pengisian Berteraskan Teknologi sebagai contoh – *Augmented Reality (AR)/ Virtual Reality (VR) (hologram projector, persembahan laser)* dan lain-lain aspek teknologi yang dapat meningkatkan keunikan dan kelainan di dalam program/ acara yang dicadangkan; dan
- p. Apa-apa elemen lain yang dirasakan sesuai dan mendapat persetujuan daripada Kementerian.

8.2 Pembelian aset serta peralatan atau kelengkapan adalah **tidak dibenarkan**.

## 9. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

9.1 Pemohon yang layak dipertimbangkan adalah terdiri daripada Pertubuhan/ Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan; dan Pertubuhan/ Persatuan Bukan Berorientasikan Keuntungan (NPO) tempatan yang telah beroperasi sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun; dan

9.2 NPO, NGO dan Persatuan Sukan perlu mengemukakan dokumen-dokumen bukti pendaftaran seperti berikut:-

- a. Surat Pendaftaran di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 (Suruhanjaya Pendaftaran Badan Sukan); atau
- b. Akta Pertubuhan 1966; atau
- c. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 yang berstatus aktif dan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun daripada tarikh permohonan;
- d. Senarai nama pemegang jawatan/ Ahli Lembaga Pengarah;
- e. Penyata akaun bank dan nombor ID (pengesahan daripada pihak bank) atas nama persatuan/ pertubuhan; dan
- f. Penyata kewangan terkini.



- 9.3 Pemohon perlu mengisytiharkan kepada kementerian sebarang hasil (tajaan, tiket, sewa, bayaran, dan lain-lain pendapatan) apa-apa sumbangan yang telah dan akan diterima daripada pelbagai sumber.
- 9.4 Kategori pemohonon yang **tidak layak** untuk dipertimbangkan adalah seperti berikut:
- 9.4.1 Pertubuhan politik dan individu;
  - 9.4.2 Persatuan/ kelab/ jawatankuasa yang bertaraf komuniti atau kejiranan termasuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Kelab Rukun Tetangga, Kelab Kejiranan Mesra (DBKU) dan *Neighbourhood Watch* (MBKS);
  - 9.4.3 Kelab Rekreasi dan Kebajikan Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun Kerajaan atau Syarikat Swasta;
  - 9.4.4 Persatuan/ kelab cawangan yang tidak mendapat kebenaran dan tidak lagi bernaung di bawah badan induk tersebut perlu mendapat persetujuan bertulis daripada menteri bertanggungjawab; dan
  - 9.4.5 Syarikat swasta yang berorientasikan keuntungan;
- 9.5 Kriteria pemohon yang **tidak layak** untuk dipertimbangkan adalah seperti berikut:
- 9.5.1 Tidak berdaftar dengan mana-mana pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana badan kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang negara;
  - 9.5.2 Tidak menunjukkan pengurusan tadbir urus yang memuaskan dalam pelaksanaan peruntukan yang telah diterima sebelum ini;
  - 9.5.3 Gagal mengemukakan laporan bagi acara-acara yang disokong oleh kementerian dalam tempoh yang ditetapkan;
  - 9.5.4 Telah dibatalkan pendaftarannya;
  - 9.5.5 Gagal mengemukakan penyata kewangan terkini yang telah diaudit oleh pihak juruaudit yang berdaftar;

- 9.5.6 Permohonan diterima kurang daripada dua (2) bulan dari tarikh penganjuran program/ aktiviti;
- 9.5.7 Pemohon mempunyai kes perundangan yang masih tertunggak dalam penggunaan peruntukan yang telah diterima sebelum ini;
- 9.5.8 Tujuan permohonan yang tidak memenuhi objektif dalam konteks pembangunan belia di Sarawak; dan
- 9.5.9 Pemohon yang telah disenaraihitamkan oleh pihak berkuasa.

## 10. SYARAT-SYARAT GERAN SOKONGAN

- 10.1 Kelulusan geran sokongan hanya dipertimbangkan sekiranya kertas cadangan memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan di dalam lampiran Senarai Semak Permohonan Geran Sokongan – MYSED/GS/SSP.
- 10.2 Setiap permohonan diwajibkan untuk menyatakan sasaran faedah pulangan (*Return of Investment*) kepada pembangunan belia, sukan dan usahawan belia dan juga butiran terperinci anggaran kos penganjuran untuk tujuan penilaian oleh Kementerian.
- 10.3 Pemohon diwajibkan untuk menyenaraikan senarai penaja dan nilai tajaan (RM) yang telah mengesahkan penglibatan dalam program/ aktiviti berkenaan.
- 10.4 Pemohon diwajibkan untuk mengambil *Public Liability Insurance* dan polisinya hendaklah dihantar kepada Kementerian untuk tujuan rekod.
- 10.5 Pemohon wajib mempamerkan jata negeri (*Sarawak State Crest*) dan nama Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MYSED) pada apa-apa juga bentuk bahan-bahan promosi.
- 10.6 Segala bentuk *artwork* seperti *backdrop*, *banner*, *fishtail*, buku program dan sebagainya hendaklah disediakan sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum program berlangsung dan *artwork* tersebut perlu mendapatkan pandangan dan kelulusan daripada Kementerian.

- 10.7 Jemputan untuk tetamu kehormat bagi sesuatu program tersebut perlu mendapatkan pandangan dan kelulusan daripada Kementerian.
- 10.8 Geran sokongan yang diluluskan untuk penganjuran sesuatu program akan dibatalkan sekiranya pihak pemohon gagal melaksanakan program sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam Surat Akaun Setuju Terima dan Kementerian berhak untuk menuntut kembali jumlah peruntukan yang telah disalurkan dan disenaraihitamkan sekiranya gagal tanpa sebab yang munasabah.
- 10.9 Pembayaran geran hanya akan disalurkan kepada akaun pemohon sahaja.

## 11. JAWATANKUASA TEKNIKAL GERAN MYSED

11.1 JKTG MYSED ditubuhkan bertujuan untuk menyemak dan menganalisa permohonan kertas cadangan sebelum diusulkan untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Penyaluran Geran (JKPG) MYSED atau Jawatankuasa Induk Geran (JKIG) MYSED.

11.2 Keanggotaan JKTG MYSED adalah terdiri daripada:-

- a. Pengerusi : Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan
- b. Ahli :
  - 1. Ahli Tetap Bahagian Dasar, Kualiti dan Inspektorat
  - 2. Ahli Tetap Bahagian Pembangunan Belia
  - 3. Ahli Tetap Bahagian Pembangunan Sukan
  - 4. Ahli Tetap Bahagian Projek Infrastruktur Sosial
  - 5. Ahli Tetap Bahagian Pembangunan Usahawan
  - 6. Ahli Tetap Unit Kewangan, Bahagian Pengurusan Korporat
  - 7. Ahli Tetap Perbadanan Sukan Sarawak
- c. Urus setia : Bahagian Dasar, Kualiti dan Inspektorat

11.3 Sila rujuk Terma Rujukan JKTG MYSED seperti di Lampiran 1.

## 12. JAWATANKUASA PENYALURAN GERAN MYSED

- 12.1 JKPG MYSED ditubuhkan bertujuan untuk mempertimbang dan meluluskan jumlah Geran Sokongan Penganjuran Program Berkaitan Pembangunan Belia, Sukan dan Keusahawanan Belia yang **berjumlah di bawah RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu Sahaja)**.
- 12.2 Keanggotaan JKPG MYSED terdiri daripada:-
- a. Pengerusi : Setiausaha Tetap, Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan
  - b. Ahli :
    - 1. Ketua Bahagian Dasar, Kualiti dan Inspektorat
    - 2. Ketua Bahagian Pembangunan Belia
    - 3. Ketua Bahagian Pembangunan Sukan
    - 4. Ketua Bahagian Projek Infrastruktur Sosial
    - 5. Ketua Bahagian Pembangunan Usahawan
    - 6. Akauntan, Bahagian Pengurusan Korporat
  - c. Urus setia : Bahagian Dasar, Kualiti dan Inspektorat
- 12.3 Ahli JKPG MYSED mengguna pakai garis panduan ini sebagai rujukan dalam mempertimbang dan meluluskan jumlah peruntukan yang wajar disalurkan kepada pemohon.
- 12.4 Ahli JKPG MYSED berhak untuk tidak mempertimbangkan mana-mana permohonan yang tidak memenuhi mana-mana kriteria yang telah termaktub dalam garis panduan ini.
- 12.5 Sila rujuk Terma Rujukan JKPG MYSED seperti di Lampiran 2.

### 13. JAWATANKUASA INDUK GERAN MYSED

13.1 JKIG MYSED bertujuan untuk mempertimbang dan meluluskan jumlah Geran Sokongan Penganjuran Program Berkaitan Pembangunan Belia, Sukan dan Keusahawanan Belia yang **berjumlah RM100,000.00 dan ke atas (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu Sahaja)**

13.2 Keanggotaan JKIG MYSED terdiri daripada:-

a. Pengerusi : Setiausaha Tetap, Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan

- b. Ahli-Ahli
1. Setiausaha Kewangan Negeri atau wakil
  2. Setiausaha Tetap, Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Persembahan Seni Sarawak atau wakil
  3. Setiausaha Tetap, Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak atau wakil
  - : 4. Pengarah, Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak atau wakil
  5. Akauntan Negeri atau wakil
  - : 6. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Sukan Sarawak atau wakil
  - : 7. Ketua Bahagian Dasar, Kualiti dan Inspektorat
  - : 8. Ketua Bahagian Pengurusan Korporat
  - : 9. Ketua Bahagian Pembangunan Belia
  - : 10. Ketua Bahagian Pembangunan Sukan
  11. Ketua Bahagian Projek Infrastruktur Sosial
  12. Ketua Bahagian Pembangunan Usahawan
  13. Akauntan, Bahagian Pengurusan Korporat
- c. Urus setia Bahagian Dasar, Kualiti dan Inspektorat

13.3 Ahli JKIG MYSED mengguna pakai garis panduan ini sebagai rujukan dalam mempertimbang dan meluluskan jumlah peruntukan yang wajar disalurkan kepada pemohon.

- 13.4 Ahli JKIG MYSED berhak untuk tidak mempertimbangkan mana-mana permohonan yang tidak memenuhi mana-mana kriteria yang telah termaktub dalam garis panduan ini.
- 13.5 Sila rujuk Terma Rujukan JKIG MYSED seperti di Lampiran 3.

#### **14. PROSEDUR KAWALAN PEMANTAUAN**

- 14.1 Setiap peruntukan yang diluluskan adalah bagi maksud penganjuran program yang dicadangkan oleh pihak pemohon sahaja dan peruntukan tidak boleh digunakan bagi tujuan yang lain.
- 14.2 Kementerian berhak untuk mendapatkan laporan terperinci perbelanjaan penganjuran program berserta dokumen sokongan berkaitan daripada pihak pemohon.
- 14.3 Pemohon wajib melibatkan pegawai MYSED atau wakil Kementerian sebagai ahli jawatankuasa penganjur.

#### **15. TATACARA PERMOHONAN**

- 15.1 Pemohon perlu menghantar surat rasmi permohonan geran sokongan, mengisi Borang Permohonan Geran Sokongan – MYSED/GS/BP dan menghantar kertas cadangan yang lengkap kepada kementerian.
- 15.2 Dokumen-dokumen berkaitan seperti di perenggan 9.2 yang telah disahkan.
- 15.3 Permohonan hendaklah dikemukakan tidak kurang daripada dua (2) bulan sebelum tarikh sebenar program/ aktiviti.
- 15.4 Kertas cadangan perlu dikemukakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja.
- 15.5 Pemohon dijemput membuat pembentangan kertas kerja kepada JKIG MYSED pada tarikh dan masa yang ditetapkan melalui surat rasmi Kementerian jika perlu.

15.6 Setiap permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:-

**Setiausaha Tetap**  
**Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak**  
**Tingkat 16, Sayap Kiri, Bangunan Baitulmakmur II**  
**Medan Raya, Petra Jaya, 93050, Kuching, Sarawak, Malaysia.**  
**Tel: 082-495555 Faks: 082-495600 email: mysed@sarawak.gov.my**

15.7 Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila berhubung dengan Sekretariat Pengurusan Geran, Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan.

## **16. TANGGUNGJAWAB PEMOHON**

16.1 Semasa program/ aktiviti berlangsung:

- a. Pemohon perlu memastikan setiap penganjuran adalah mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama;
- b. Pemohon hendaklah mematuhi semua peraturan/ undang-undang semasa yang sedang berkuatkuasa;
- c. Pemohon hendaklah memastikan kualiti penganjuran program dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.

16.2 Selepas program/ aktiviti selesai:

- a. Pemohon hendaklah diwajibkan untuk mengemukakan laporan akhir berserta laporan kewangan yang lengkap termasuk bukti laporan perbelanjaan kepada Kementerian dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas program diadakan.

## **17. PENUTUP**

Garis panduan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan dari masa ke masa.



